



**PENYEDIAAN GARIS PANDUAN SLAID PEMBELAJARAN
BERDASARKAN MODEL ADDIE**

Oleh

NOR AZIAH BT ABDUL AZIZ

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2020

FBMK 2021 23

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENYEDIAAN GARIS PANDUAN SLAID PEMBELAJARAN
BERDASARKAN MODEL ADDIE**

Oleh

NOR AZIAH BINTI ABDUL AZIZ

Oktober 2020

Pengerusi : Datin Hasnah Mohamad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah memartabatkan bahasa Melayu dengan menjadikannya bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah serta di institusi pengajian tinggi termasuklah Institut Pendidikan Guru (IPG). Masalah penggunaan bahasa Melayu dilihat turut berlaku dalam kalangan pelajar IPG terutamanya dalam slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar semasa sesi praktikum di sekolah. Bagi mengatasi kesalahan bahasa ini, satu garis panduan slaid pembelajaran diperlukan. Kajian ini merangkum tiga objektif, iaitu menganalisis kesalahan ejaan dan morfologi dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu, menganalisis kesalahan sintaksis dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)* dan menyediakan garis panduan slaid pembelajaran bahasa Melayu berlandaskan Model ADDIE. Kaedah penyediaan garis panduan ini berpandukan Model ADDIE yang mencakup lima fasa, iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan melibatkan 30 orang responden jurusan bahasa Melayu. Data dikumpulkan melalui analisis kesalahan bahasa dalam slaid pembelajaran, temu bual dan soal selidik. Pendekatan Analisis Kesalahan Bahasa telah digunakan dengan merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)* dan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)*. Hasil dapatan menunjukkan pelajar telah melakukan tujuh kesalahan ejaan dan 28 kesalahan morfologi. Bagi kesalahan sintaksis pula, pelajar melakukan sebanyak 27 kesalahan. Setelah responden menggunakan garis panduan slaid pembelajaran, kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis telah menunjukkan penurunan, iaitu tiada kesalahan ejaan, tujuh kesalahan morfologi dan sembilan kesalahan sintaksis. Peratus penambahbaikan untuk ejaan ialah 100%, morfologi 79% dan sintaksis 67%. Peratus keseluruhan penambahbaikan ialah 76%, iaitu 15 kesalahan sahaja. Analisis indeks Cohen Kappa untuk pengesahan pakar garis panduan berada pada skala sangat baik, iaitu $K = 0.85$ dan peratus persetujuan pakar ialah 92%. Kesimpulannya, garis panduan ini dapat membantu meningkatkan pemahaman tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

DEVELOPMENT OF THE GUIDELINE FOR INSTRUCTIONAL SLIDES BASED ON THE ADDIE MODEL

By

NOR AZIAH BINTI ABDUL AZIZ

October 2020

Chairman : Datin Hasnah Mohamad, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The National Education Policy elevated the Malay language by establishing it as the official language, and the language of instruction in schools as well as institutes of higher learning, including the Institut Pendidikan Guru (IPG). Problems on the usage of the Malay language is rampant among IPG students especially in the instructional slides that are used as a teaching tool during the practicum sessions in schools. In order to overcome these language issues, a guideline on development instructional slides is required. This study has three objectives which are, first, to analyse spelling and morphological errors in the Malay language instructional slides. The second objective is to analyse syntactic errors in the slides based on the *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)*. The third objective is to develop the guideline for instructional slides in the Malay language based on the ADDIE model. The method of developing this guideline is based on the ADDIE model that consists of five phases: Analysis, Design, Development, Implementation, and Evaluation. The qualitative methodology was adopted involving 30 respondents majoring in the Malay language. Data was collected from the analysis of language errors in the instructional slides, interviews and questionnaires. The Language Error Analysis Approach was used with reference to the *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)* and the *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)*. The findings show that students made seven spelling errors, 28 morphological errors, and 27 syntactic errors. However, after the respondents adopted the guideline for instructional slides, there was a decline in spelling, morphological and syntactic errors; with no spelling errors, and only seven morphological and nine syntactic errors. The improvement percentage for spellings was 100%, morphology 79%, and syntax 67%. The overall improvement percentage was 76% which was only 15 errors. The Cohen Kappa index analysis for validation of the guideline by experts was at a very good level, at $K = 0.85$, and the percentage of the agreement by experts was 92%. In conclusion, this guideline is able to help improve the comprehension of Malay grammar among IPG students.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t dengan rahmatNya membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Datin Dr Hasnah binti Muhamad, (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) serta Prof. Madya Dr. Haji Mohd Sharifudin bin Yusop dan Dr. Sharil Nizam bin Shari sebagai penyelia yang sentiasa merintis jalan, memberi sokongan, masa, idea dan tidak jemu membimbing dengan iringan semangat penuh dedikasi dalam penerokaan pengetahuan sehingga siapnya penulisan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk menyiapkan tesis ini terutama buat bonda tersayang, Hajah Amal Badariah binti Haji Abdul Malik yang sentiasa menitipkan doa demi kejayaan saya di dunia dan akhirat, Buat almarhum ayahanda, Haji Abdul Aziz bin , saya ingin nyatakan bahawa saya telahpun merealisasikan harapan murni ayahanda. Terima kasih seikhlasnya saya rakamkan kepada suami tercinta Haji Mohd Taufik bin Haji Ahmed yang telah membantu saya dari segi pemprosesan dan penganalisan data, juga merupakan sahabat yang sama-sama berjuang di Universiti Putra Malaysia. Buat anakanda yang dikasihi, Ahmad Fauzan, Aina Inyirah, Farah Athirah dan Muhamad Haziq, ayuh jadikanlah perjalanan akademik ayahanda sebagai pembakar semangat anakanda untuk terus cemerlang pada masa hadapan. Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua sahabat, rakan dan semua pihak yang memberi sumbangan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga buat pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh yang telah mengambil bahagian dalam kajian saya ini. Sesungguhnya, hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa anda semua. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang membiayai dan memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian yang tidak ternilai ini. Akhir kata, saya berharap agar kajian saya ini meraih pengiktirafan oleh Allah SWT sebagai amalan kebajikan saya dan akhirnya memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemerikasaan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan di Malaysia.

Terima kasih semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Sharil Nizam bin Shari, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Batasan Kajian	6
1.7	Definisi Operasional	7
1.7.1	Penyediaan Garis Panduan	7
1.7.2	Slaid Pembelajaran Bahasa Melayu	7
1.7.3	Model ADDIE	8
1.8	Kesimpulan	8
2	SOROTAN LITERATUR	9
2.1	Pengenalan	9
2.2	Kajian Kesalahan Tatabahasa	9
2.3	Kajian Bahan Bantu Mengajar	21
2.4	Kajian Pembinaan Garis Panduan	25
2.5	Perkaitan Kajian Lepas dengan Kajian yang Dijalankan	33
2.6	Kesimpulan	37
3	METODOLOGI	38
3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Konsep dan Kerangka Teori	39
3.3.1	Model ADDIE	39
3.3.2	Rumus Tatabahasa Dewan	42
3.4	Kaedah Kajian	44
3.4.1	Kajian Analisis Dokumen	44
3.4.2	Kajian Lapangan	45
3.4.3	Instrumen Kajian	46
3.4.3.1	Slaid pembelajaran	46
3.4.3.2	Soal Selidik	47
3.4.3.3	Kaedah Temu bual	47

3.5	Tatacara Kajian	48
3.5.1	Kajian Rintis	48
3.5.2	Kajian Sebenar	48
3.6	Langkah Pengumpulan Data	50
3.7	Langkah Penganalisan Data	51
3.7.1	Penganalisan Data Kesalahan Ejaan, Morfologi dan Sintaksis dalam Slaid Pembelajaran	51
3.8	Penyediaan Garis Panduan Slaid Pembelajaran Menggunakan Model ADDIE	52
3.9	Pertimbangan Etika	59
3.10	Kerangka Kajian	60
3.11	Kesimpulan	61
4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	62
4.1	Pengenalan	62
4.2	Kesalahan Ejaan dan Morfologi dalam Slaid Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan <i>Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga</i> (2015) dan <i>Kamus Dewan Edisi Keempat</i> (2015)	62
4.2.1	Kekerapan Kesalahan Ejaan	62
4.2.2	Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris	63
4.2.3	Kesalahan Ejaan Tidak Menepati Pola Keselarasan Vokal	65
4.2.4	Kekerapan Kesalahan Morfologi	66
4.2.5	Kesalahan Imbuan Kata Kerja	67
4.2.6	Kesalahan Kata Nafi	69
4.2.7	Kesalahan Kata Sendi Nama	70
4.2.7.1	Kesalahan Kata Sendi Nama “di”	70
4.2.7.2	Kesalahan Kata Sendi Nama “pada”	72
4.2.7.3	Kesalahan Tidak Menggunakan Kata Sendi Nama “dengan”	72
4.2.8	Kesalahan Kata Majmuk	73
4.2.9	Kesalahan Kata Ganda	75
4.2.10	Kesalahan Kata Bilangan	76
4.3	Kesalahan Sintaksis dalam Slaid Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan <i>Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga</i> (2015)	78
4.3.1	Kekerapan Kesalahan Sintaksis	78
4.3.2	Kesalahan Frasa Kerja	80
4.3.3	Kesalahan Frasa Adjektif	82
4.3.4	Kesalahan Frasa Sendi Nama	83
4.3.5	Kesalahan Ayat Larangan	84
4.3.6	Kesalahan Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris	86
4.3.7	Kesalahan Ayat Tanpa Subjek	88
4.3.8	Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan	89
4.3.9	Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan	91
4.3.10	Kesalahan Ayat Majmuk Campuran	93
4.4	Penyediaan Garis Panduan Slaid Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Model ADDIE	95

4.4.1	Fasa Analisis	96
4.4.1.1	Soal Selidik Demografi Responden	96
4.4.2	Fasa Reka Bentuk	100
4.4.3	Fasa Pembangunan	101
4.4.3.1	Huraian Kandungan Bab 1 dalam Garis Panduan Slaid Pembelajaran	102
4.4.3.2	Huraian Kandungan Bab 2 dalam Garis Panduan Slaid Pembelajaran	104
4.4.3.3	Huraian Kandungan Bab 3 dalam Garis Panduan Slaid Pembelajaran	106
4.4.4	Fasa Pelaksanaan	107
4.4.4.1	Melaksanakan Pra Soal Selidik	108
4.4.4.2	Melaksanakan Tugas Projek	110
4.4.4.3	Melaksanakan Pasca Soal Selidik	110
4.4.5	Fasa Penilaian	113
4.4.5.1	Penilaian Kesalahan Ejaan, Morfologi dan Sintaksis Selepas Menggunakan Garis Panduan	113
4.4.5.2	Perbezaan Bilangan Kesalahan Sebelum dan Selepas Menggunakan Garis Panduan	119
4.4.5.3	Perbezaan Peratus dan Bilangan Kesalahan Sebelum dan Selepas Menggunakan Garis Panduan	120
4.4.5.4	Min Pra dan Pasca Soal Selidik Item B, iaitu Impak Penggunaan Tatabahasa Melayu yang Tepat dalam Slaid Pembelajaran	122
4.4.5.5	Hasil Temu Bual dalam Fasa Penilaian	124
4.4.5.6	Penilaian Pakar	125
4.4.5.7	Penilaian Persetujuan Pakar Berdasarkan Peratus	125
4.4.5.8	Persetujuan Pakar Menggunakan Formula <i>Cohen Kappa</i>	126
4.5	Kesimpulan	128
5	RUMUSAN	129
5.1	Pengenalan	129
5.2	Rumusan Kajian	130
5.2.1	Rumusan Analisis Kesalahan Ejaan dan Morfologi dalam Slaid Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan <i>Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)</i> dan <i>Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)</i>	130
5.2.2	Rumusan Analisis Kesalahan Sintaksis dalam Slaid Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan <i>Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)</i>	131
5.2.3	Rumusan Penyediaan Garis Panduan Slaid Pembelajaran Berdasarkan Model ADDIE	132
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	135

5.3.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	135
5.3.2	Implikasi Terhadap Pengamal	136
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	137
5.5	Rumusan	138
RUJUKAN		139
LAMPIRAN		150
BIODATA PELAJAR		165
SENARAI PENERBITAN		166



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
3.1	Jadual skala lima mata Likert soal selidik item B	47
3.2	Ringkasan aktiviti dalam Fasa Analisis	53
3.3	Ringkasan aktiviti dalam Fasa Reka Bentuk	53
3.4	Ringkasan aktiviti dalam Fasa Pembangunan	54
3.5	Ringkasan aktiviti dalam Fasa Pelaksanaan	55
3.6	Ringkasan aktiviti dalam Fasa Penilaian	57
4.1	Kekerapan dan Peratusan Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman daripada Bahasa Inggeris dan Pola Keselarasan Vokal	63
4.2	Kesalahan ejaan kata pinjaman bahasa Inggeris	63
4.3	Kesalahan ejaan yang tidak menepati pola keselarasan vokal	65
4.4	Kekerapan kesalahan Morfologi	67
4.5	Kesalahan Imbuhan Kata Kerja	67
4.6	Kesalahan Kata Nafi	69
4.7	Kesalahan Kata Sendi “di”	71
4.8	Kesalahan Kata Sendi Nama “pada”	72
4.9	Kesalahan Tidak Menggunakan Kata Sendi Nama “dengan”	73
4.10	Kesalahan Kata Majmuk	74
4.11	Kesalahan Kata Ganda	75
4.12	Kesalahan Kata Bilangan	77
4.13	Kekerapan Kesalahan Sintaksis	79
4.14	Kesalahan Frasa Kerja	80
4.15	Kesalahan Frasa Adjektif	82
4.16	Kesalahan Frasa Sendi Nama	84
4.17	Kesalahan Ayat Larangan	85

4.18	Kesalahan Struktur Terjemahan Bahasa Inggeris	86
4.19	Kesalahan Ayat Tanpa Subjek	88
4.20	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Gabungan	90
4.21	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan	92
4.22	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Campuran	93
4.23	Pecahan Sampel Kajian Berdasarkan Jantina	96
4.24	Pecahan sampel kajian tentang persetujuan slaid pembelajaran menyeronokkan murid	97
4.25	Pecahan sampel kajian tentang penyediaan slaid pembelajaran mestilah menguasai tatabahasa Melayu dan memerlukan satu garis panduan	97
4.26	Rumusan Analisis Kesalahan Ejaan, Morfologi dan Sintaksis	98
4.27	Isi Kandungan dalam Garis Panduan Pembelajaran yang Berlandaskan Model ADDIE	100
4.28	Bahagian Utama dan Isi Kandungan dalam Garis Panduan	101
4.29	Pra Soal Selidik Impak Penggunaan Tatabahasa Melayu yang Tepat dalam Slaid Pembelajaran sebagai Bahan Bantu Mengajar	108
4.30	Pasca Soal Selidik Impak Penggunaan Tatabahasa Melayu yang Tepat dalam Slaid Pembelajaran sebagai Bahan Bantu Mengajar	111
4.31	Kesalahan Ejaan, Morfologi dan Sintaksis Selepas Penggunaan Garis Panduan	114
4.32	Bilangan Kesalahan Aspek Ejaan, Morfologi dan Sintaksis Sebelum Serta Selepas Garis Panduan	119
4.33	Perbezaan Peratus dan Bilangan Kesalahan Sebelum Serta Selepas Penggunaan Garis Panduan	121
4.34	Min Pra dan Pasca dalam Item B, iaitu Impak Penggunaan Tatabahasa Melayu yang Tepat dalam Slaid Pembelajaran sebagai Bahan Bantu Mengajar	122
4.35	Rumusan Persetujuan Pakar Menggunakan Peratusan	126
4.36	Pengiraan Persetujuan Pakar Menggunakan Formula <i>Cohen Kappa</i>	127
4.37	Skala persetujuan <i>Cohen Kappa</i>	128

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
ADDIE	Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation.
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KDE4	<i>Kamus Dewan Edisi Keempat</i>
TDE3	<i>Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga</i>
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
BMMK	Bahasa Melayu Merentas Kurikulum
BAU	Balqa Applied University
UiTM	Universiti Teknologi Mara
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
TMK	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
MAB	Multisensory Alphabet Bergambar
CLT	Communicative Language Teaching
ELT	English Language Teaching
ESL	Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
OVT	Online Video Tutorial
QR	Quick Response Code
Modul Lit-A	Modul Literasi Awal
LINUS	Literacy and Numeracy Screening

TPACK Technological Pedagogical Content Knowledge

GPSP Garis Panduan Slaid Pembelajaran



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini. Menerusi perkara 152 Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang mesti digunakan dalam segenap aspek penulisan dan turut termaktub dalam undang-undang Parlimen. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah memartabatkan bahasa Melayu dengan menjadikannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah serta di institusi pengajian tinggi termasuklah Institut Pendidikan Guru (IPG).

Salah satu program latihan perguruan yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) ialah Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian. Program ini bertujuan untuk melatih bakal guru di sekolah rendah. Sebagai prasyarat, pelajar dikehendaki mengikuti kursus persediaan selama tiga semester di IPG seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Bagi pelajar yang lulus kursus persediaan, mereka akan ditawarkan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian. Program ini mengambil masa selama empat tahun dan melahirkan guru sekolah rendah yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan profesionalisme merupakan matlamat utama program ini dilaksanakan. Hasil pembelajaran program ini, para graduan merupakan graduan lulusan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (BM) berkemampuan untuk menjadi seorang guru sekolah rendah yang berpengetahuan serta mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai bidang kepakaran masing-masing. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu menguasai teori pembelajaran, bahan kurikulum, penaksiran, pengurusan persekitaran pembelajaran serta pembelajaran yang berkaitan.

Kursus bahasa Melayu ditawarkan di IPG untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan tentang kandungan subjek serta pedagogi subjek ini. Pengetahuan kandungan subjek bahasa Melayu ialah bidang tatabahasa yang merupakan salah satu bidang dalam linguistik umum. Bidang tersebut berfungsi untuk menerangkan tentang hukum dan peraturan sesebuah bahasa. Kebiasaannya, tatabahasa terdiri daripada peraturan dan undang-undang yang terhasil dalam bentuk pertuturan atau penulisan bahasa yang betul. Oleh itu, bagi menentukan bahasa itu berfungsi dengan baik, berkesan atau sebaliknya, peraturan atau undang-undang tatabahasa yang akan dijadikan panduan. Oleh sebab itu, pelajar IPG yang mengambil kursus bahasa Melayu telah mendalami bidang tatabahasa yang meliputi aspek sistem ejaan, morfologi serta sintaksis. Bidang morfologi menumpukan cara-cara perkataan itu dibentuk menerusi bunyi-bunyi bahasa, manakala sintaksis merupakan aspek yang mengkaji kaedah susunan sesuatu perkataan sehingga menjadi sebuah ayat. Tambahan lagi, pelajar IPG juga perlu menjalani sesi praktikum sebelum menamatkan pengajian. Sesi praktikum ini merupakan latihan praktikal yang

bertujuan untuk menyediakan ruang kepada pelajar bagi memerhati serta menilai amalan pengajaran dan pembelajaran. Praktikum ini juga membolehkan pelajar merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan mengaplikasikan pelbagai jenis teori yang dipelajari di IPG melalui bimbingan dan kolaborasi dengan guru pembimbing, pensyarah pembimbing dan juga rakan pelajar dalam pelbagai situasi. Selain itu, praktikum memberikan peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara terbimbing dalam situasi yang sebenar. Pada ketika inilah, pelajar IPG akan menggunakan bahan bantu mengajar, iaitu slaid pembelajaran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Slaid pembelajaran ini dihasilkan dengan menggunakan perisian *PowerPoint*. *PowerPoint* merujuk kepada perisian pembentangan dalam pengajaran dan dipersembahkan melalui projektor slaid dari komputer ke skrin tayang. Slaid *PowerPoint* merupakan versi digital *transparensi overhead* atau edaran bercetak yang digunakan untuk membentangkan suatu topik, teori, jadual, rajah, gambar, senarai konsep dan sebagainya. Pengaplikasian slaid *PowerPoint* dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan guru memiliki kemahiran menggunakan komputer. Selain itu, *PowerPoint* boleh dimuatkan dengan klip audio dan video, pelbagai animasi dan simulasi, sekali gus dapat dihubungkan kepada pelbagai sumber dari Internet untuk pemaparan teks dan angka. Semua kemudahan ini mampu merangsang dan menarik minat pelajar (Lucas & Bernstein, 2005). Di samping itu, menurut Rashidi (1995), kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan *PowerPoint* ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baru dan suasana pembelajaran yang sihat serta seronok untuk murid.

Penggunaan slaid pembelajaran merupakan aspek penting bagi pelajar IPG untuk menyampaikan ilmu semasa menjalani sesi praktikum. Oleh itu, isi kandungan slaid tersebut perlu tepat dengan menjadikan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) serta *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) sebagai rujukan. Tidak dinafikan masih terdapat kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar IPG semasa menyediakan slaid pembelajaran tersebut. Berdasarkan permasalahan ini, analisis kesalahan bahasa perlu dijalankan untuk menangani masalah ini dengan memfokuskan kepada aspek sistem ejaan, morfologi dan sintaksis. Maklumat hasil daripada analisis kesalahan itu nanti akan digunakan oleh penyelidik bagi menyediakan garis panduan slaid pembelajaran berlandaskan Model ADDIE.

1.2 Penyataan Masalah

Misi Institut Pendidikan Guru Malaysia adalah untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Sehubungan itu, seorang guru yang berkualiti perlu memperkasakan kepakaran dirinya dalam bidang ilmu pengetahuan (Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) juga menekankan bahawa keberhasilan pelajar di peringkat sekolah ditentukan oleh guru yang berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, memang tidak dapat disangkal

bahawa proses dan hasil pendidikan yang berkualiti dipengaruhi oleh guru pelatih (Amir Juhari & Noor Zila Md. Yusuf, 2012). Namun, masalah penggunaan bahasa Melayu dilihat turut berlaku dalam kalangan pelajar IPG terutamanya kepada bakal pendidik yang akan mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah berdasarkan kajian Ruziman Omar & Md Shamsuddin Ngat Denin (2016).

Ruziman Omar & Md Shamsuddin Ngat Denin (2016) yang menjalankan kajian tentang analisis kesilapan ejaan dalam kalangan pelajar IPG menunjukkan bahawa pelajar IPG masih melakukan kesilapan ejaan dalam penulisan. Berdasarkan pernyataan ini, jika adanya kesalahan ejaan dan morfologi berlaku dalam slaid pembelajaran yang digunakan sebagai bahan bantu mengajar dapat mempengaruhi murid-murid yang menerima pengajaran guru tersebut. Permasalahan ini akan berterusan tanpa ada jalan penyelesaiannya. Oleh itu langkah awal untuk mengatasi masalah ini perlu diambil supaya pelajar IPG ini tidak mengajarkan sesuatu yang salah kepada murid-murid. Hal ini disokong berdasarkan kajian Abdul Hamid Mahmood (1993) yang menyatakan sekiranya guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu yang salah, maka bahasa Melayu tidak dapat dimartabatkan. Oleh hal yang demikian, budaya berbahasa sebenar tidak dapat diterapkan oleh tenaga pengajar dan murid-murid sehingga menimbulkan kekeliruan dan pemerolehan input yang salah. Kupasan ini selaras dengan objektif kajian yang pertama, iaitu untuk menganalisis kesalahan ejaan dan morfologi dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015).

Kesalahan dalam bentuk sintaksis juga perlu diberi perhatian kerana permasalahan ini berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu yang tepat dalam isi pelajaran perlu disampaikan kepada murid-murid. Penggunaan bahasa yang tidak tepat akan mendatangkan impak kepada mesej yang hendak disampaikan. Menurut Tanveer (2007), seseorang akan mengalami kesukaran untuk bertutur dengan lancar apabila mereka tidak menguasai kemahiran tatabahasa. Hal ini juga mengakibatkan kesilapan dalam pentakrifan makna (Salinah Jaafar & Rohaida Haron, 2016). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan dalam kalangan guru bahasa Melayu juga terdapat guru yang kurang menguasai tatabahasa bahasa Melayu. Menurut Daing Melebek dan Abdul Rashid (2010), kebanyakan guru ini berasa keliru dan tidak pasti mengenai penggunaan tatabahasa yang tepat semasa menulis. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, penyelidik berasakan bahawa kajian terhadap penggunaan sintaksis dalam slaid pembelajaran perlu dijalankan. Oleh itu, penyelidik mengambil inisiatif untuk menganalisis kesalahan sintaksis yang terdapat dalam slaid pembelajaran yang telah dihasilkan oleh pelajar IPG berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015).

Keperluan satu garis panduan penggunaan bahasa Melayu dalam menyediakan slaid pembelajaran dalam kalangan pelajar IPG perlu diberi perhatian kerana kesalahan penulisan tatabahasa dalam slaid pembelajaran memberi kesan terhadap aspek penulisan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid. Masalah ketiadaan garis panduan yang sesuai untuk digunakan dalam menyediakan slaid pembelajaran bahasa Melayu perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Menurut kajian Ruziman

Omar & Md Shamsuddin Ngat Denin (2016), antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar IPG, iaitu aspek ejaan kata pinjaman, kata sendi nama, ayat tiada subjek dan ayat majmuk. Mereka dilihat cuba meringkaskan isi yang ingin disampaikan sehingga menyebabkan ayat yang digunakan tidak menepati hukum *Tatabahasa Dewan* dan *Kamus Dewan*. Selain itu, kelemahan penggunaan bahasa ini juga disebabkan oleh kekeliruan antara nahu pegangan dengan nahu praktis. Hal ini selaras dengan pernyataan Zaharani Ahmad (2007) yang menyatakan bahawa perbezaan antara nahu pegangan yang bersifat preskriptif yang diajarkan di sekolah dengan nahu praktis yang diterima menerusi pengetahuan dan pengalaman penutur merupakan punca yang telah menimbulkan kekeliruan dalam penggunaan sesebuah bahasa. Berdasarkan penelitian tersebut, penyediaan garis panduan dilihat dapat membantu menangani masalah kesalahan penggunaan tatabahasa ini.

Di samping itu, penyelidik juga mendapati wujudnya kelompongan dalam kajian berkaitan model reka bentuk pengajaran ADDIE. Antara pengkaji yang telah menjalankan kajian terhadap garis panduan adalah seperti Muhamad Shakir Saad et al. (2018), Herlina Jasa Putri Harahap (2018), Faridah Salam (2018), Maszuraini & Hamedi (2017), Ummu Nasibah Nasohah et al. (2015), Jupri Bacotang et al. (2016) serta Frida Unsiah et al. (2016). Menerusi kajian-kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa garis panduan yang dihasilkan lebih banyak memfokuskan kepada modul, perisian, robot permainan, aplikasi, multimedia interaktif dan video pengajaran berbanding garis panduan yang melibatkan slaid pembelajaran. Oleh itu, satu penelitian perlu dijalankan dan bertepatan dengan objektif ketiga yang memfokuskan kepada penyediaan garis panduan slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan model ADDIE. Hal ini dapat menyelesaikan masalah penggunaan bahasa Melayu dalam slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar pelajar IPG yang merupakan bakal pendidik yang akan mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah kelak.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah kesalahan ejaan dan morfologi dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu dianalisis berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015)?
2. Bagaimanakah kesalahan sintaksis dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu dianalisis berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015)?
3. Bagaimanakah penyediaan garis panduan penggunaan bahasa Melayu dalam slaid pembelajaran berdasarkan Model ADDIE?

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Menganalisis kesalahan ejaan dan morfologi dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015).
2. Menganalisis kesalahan sintaksis dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015).
3. Menyediakan garis panduan slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan Model ADDIE.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian dilihat dapat memberi impak kepada tenaga pengajar. Pertama, kajian dilihat dapat membantu melancarkan proses pengubalan kurikulum bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Analisis kesalahan aspek sistem ejaan, morfologi dan sintaksis didapati mampu menjadi panduan dan penanda aras bagi menangani masalah kesalahan penggunaan tatabahasa bukan sahaja dalam kalangan pelajar malah kepada para pengajar juga. Proses mengurangkan masalah kesalahan tatabahasa perlu dimulakan pada peringkat pengajar dahulu. Setelah punca masalah dikenal pasti, maka pembaharuan dan penambahbaikan akan dilakukan sedikit demi sedikit oleh para pengajar untuk memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi pemahaman dan pengetahuan tatabahasa dalam kalangan pelajar serta memastikan pembelajaran bahasa Melayu lebih berkesan di IPG masing-masing. Selain itu, garis panduan slaid pembelajaran bahasa Melayu yang dihasilkan pada akhir kajian ini juga dapat dijadikan contoh dan panduan kepada para pendidik untuk menghasilkan slaid pembelajaran bahasa Melayu yang menggunakan aspek tatabahasa yang betul.

Seterusnya, kajian ini dilihat berkepentingan kepada badan yang berkaitan, iaitu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini dapat membuktikan bahawa penggunaan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) yang digunakan oleh penyelidik memberi impak yang besar terhadap perkembangan keilmuan bahasa Melayu di Malaysia. Kedua-dua rujukan ini digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis dalam slaid pembelajaran. Hal ini membuktikan bahawa, *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) yang dijadikan sumber rujukan dalam penyediaan garis panduan slaid pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan bahasa yang tepat dan betul. Dapatan hasil kajian yang baik membolehkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) diiktiraf sebagai antara sumber rujukan terbaik yang dihasilkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Sumber rujukan ini secara tidak langsung akan lebih dikenali oleh para ilmuwan bahasa santero dunia.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh kepada pelajar IPG tentang penggunaan garis panduan slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Garis panduan slaid pembelajaran yang disediakan ini adalah untuk memastikan para pengguna slaid pembelajaran menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul serta boleh menjadi rujukan dan panduan. Garis panduan slaid pembelajaran ini juga bertujuan untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam slaid pembelajaran yang digunakan sebagai bahan bantu mengajar daripada kesilapan dan pencemaran bahasa kerana dikhuatiri menjadi contoh dan ikutan kepada murid-murid sekolah. Kandungan garis panduan slaid pembelajaran ini juga meliputi aspek tatabahasa, penggunaan frasa dan contoh ayat berdasarkan rujukan kamus dewan serta tatabahasa dewan yang menjadi pegangan pengguna bahasa Melayu di Malaysia. Dalam garis panduan slaid pembelajaran ini juga telah memuatkan beberapa contoh bahasa yang beretika dan pinjaman perkataan bahasa asing yang mantap penggunaannya agar pengguna slaid pembelajaran dapat menyampaikan isi pelajaran tanpa menjejaskan maklumat yang hendak disampaikan.

Akhir sekali, kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang kepentingan garis panduan bahasa Melayu dalam menyediakan slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar kepada pelajar IPG. Hasil dapatan ini dapat membantu pelajar IPG untuk menggunakan tatabahasa yang betul terutamanya semasa menyediakan slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar IPG dapat mengetengahkan isi pelajaran yang baik ketika membina slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar dengan adanya garis panduan slaid pembelajaran bahasa Melayu yang betul dan tepat. Konklusinya, kajian ini dianggap penting dan dapat membantu meningkatkan mutu penggunaan bahasa Melayu kerana garis panduan yang disediakan telah menggunakan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) sebagai rujukan.

1.6 Batasan Kajian

